

29 DEC 2000

Mahathir-Suqiu

ISU SUQIU DAN GPMS HARUS DITANGANI BERHATI-HATI, KATA DR MAHATHIR

Oleh: E.Sivabalan

KUALA LUMPUR, 29 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, isu tuntutan Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Persatuan-persatuan Cina Malaysia atau Suqiu perlu ditangani dengan berhati-hati supaya tidak dilihat sebagai menyebelahi atau menyinggung mana-mana pihak.

Perdana Menteri berkata apabila Suqiu membuat tuntutan untuk menghapuskan hak istimewa orang Melayu, orang-orang Melayu tidak boleh disuruh untuk berdiam diri.

"Bila dia (Suqiu) buat (tuntutan), kita tak boleh nak kontrol orang Melayu," kata beliau ketika ditanya sama ada wujud perasaan syak wasangka di kalangan orang-orang Melayu dan Cina berikutan tuntutan Suqiu dan juga tuntutan balas Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS).

Bercakap kepada BERNAMA dalam satu temuramah khas di Putrajaya Selasa lepas, Dr Mahathir berkata beliau tidak boleh meminta orang-orang Melayu supaya tidak membuat tuntutan balas atau menyuarakan bantahan terhadap tuntutan Suqiu kerana ia akan dilihat sebagai memihak orang Cina.

"Kalau umpamanya saya kata `orang Melayu jangan tuntutan', saya pula jadi `unpopular' (tidak popular). Sudahlah saya jadi `unpopular' dengan orang Cina yang anggap saya hentam orang Cina dan lepas itu saya pergi kata pada orang Melayu jangan buat.

"Jadi orang Melayu tengok saya masuk sebelah orang Cina, orang Cina kata dia (saya) anti-Cina. Sebab itu, kita perlu tangani perkara ini secara berhati-hati," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir, pada 24 Dis lepas, menegaskan kerajaan menolak sama sekali tuntutan Suqiu berhubung penghapusan hak istimewa orang Melayu kerana ia keterlaluan.

Pada 11 Dis lalu, Dr Mahathir memberitahu Dewan Rakyat bahawa Perlembagaan Malaysia dan kontrak sosial yang menjadi asas negara pelbagai kaum terpaksa diketepikan jika kesemua 83 tuntutan Suqiu diterima oleh kerajaan.

Berikutan tuntutan Suqiu itu, GPMS membuat tuntutan balas 100-perkara antaranya meminta supaya Perlembagaan Persekutuan dipinda supaya hanya orang Melayu yang boleh menjadi Perdana Menteri.

Mengenai dakwaan pembangkang bahawa isu tuntutan Suqiu sengaja digembar gemburkan oleh Umno untuk mendapatkan sokongan orang-orang Melayu, Dr Mahathir berkata Barisan Nasional (BN) dan Umno tidak begitu "Machiavellian" (bermuslihat) sehingga menyuruh Suqiu membuat tuntutan.

"Ia tidak masuk akal, seolah-olah kita mempunyai konspirasi sekali lagilah," kata Dr Mahathir yang merujuk kepada dakwaan PAS bahawa Umno telah "melakonkan" insiden Al-Ma'unah di Perak lada Jun lepas.

Secara berseloroh, Dr Mahathir berkata BN dan Umno "tak begitu cekap dalam bidang ini", dengan sengaja mencucuk Suqiu membuat tuntutan yang menyakitkan hati orang Melayu.

Beliau berkata Suqiu sebenarnya tidak sedar apa yang mereka tuntutan kerana baru-baru ini, mereka telah berkata bahawa Suqiu tidak pernah menuntut supaya hak istimewa orang Melayu dihapuskan.

"Tapi "wording" atau cara dia tuntutan itu mempunyai implikasi yang sebegitu (iaitu hapuskan hak istimewa orang Melayu), mungkin dia tak faham apa yang dia tuntutan.

"Jadi nak kata Umno suruh Suqiu "is a little bit too much" (agak keterlaluan), kita tak mungkin buat sebegitu," kata perdana menteri.

Ditanya sama ada rakyat terpaksa menanggung risiko jika perkara itu

tidak ditangani dengan bijak, Dr Mahathir berkata sesetengah orang menganggap tuntutan Suqiu itu sederhana.

Bagi orang lain pula, ancaman untuk menghapuskan hak istimewa orang Melayu itu adalah sesuatu yang amat bahaya dan mereka sanggup menghadapi apa juga cabaran walaupun huru-hara berlaku.

"Mereka ini akan salahkan Suqiu kerana minta benda yang macam ini," kata Dr Mahathir.

Ditanya mengapa isu hak istimewa orang Melayu perlu dibangkitkan sekarang walaupun ia termaktub dalam Perlembagaan, Dr Mahathir berkata jika diteliti sejarah perjuangan kemerdekaan, mereka tentu akan menghormati perjanjian kontrak sosial antara pelbagai kaum di negara ini.

"Tapi mereka tidak nampak apa yang mereka untung, tapi nampak apa yang mereka rugi sahaja. Orang ini mungkin tidak tahu bahawa dia sudah dapat sesuatu bagi diri dia dan dia membuat tuntutan seolah-olah dia hendak semua untuk dia," kata beliau.

Katanya mereka ini hanya melihat apa yang pihak lain untung sahaja dan dengan itu berlakulah tuntutan sedemikian.

Dr Mahathir juga menolak tanggapan bahawa kemungkinan tuntutan Suqiu itu adalah supaya kerajaan "membalas" sokongan padu yang diberikan oleh pengundi Cina kepada BN pada pilihan raya umum 1999.

"Sokongan orang Cina kepada BN ialah kerana kita dapat selesaikan masalah ekonomi...sebab itu mereka tolak pemimpin DAP," kata beliau.

-- BERNAMA

ES ES LAT